

**UNDANG-UNDANG KECIL  
PASAR  
MAJIS DAERAH BESUT  
1991**

**TR. P.U. 9  
BIL. 6/1992  
TARIKH 12 MAC 1992**



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 45  
Bil. 6

12hb Mac 1992

TAMBAHAN No. 3  
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 10.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MAJLIS DAERAH BESUT) 1991

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Akta 171. Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Besut membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Pasar (Majlis Daerah Besut) 1991 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Besut dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*.
2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan Tafsiran. ayatnya menghendaki makna yang lain—

“gerai” termasuklah sesuatu petak;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Besut;

“pasar” ertinya sesuatu tempat awam yang biasanya digunakan untuk menjual haiwan atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran atau lain-lain barang makanan manusia dan termasuklah semua tanah dan premis yang digunakan dengan apa-apa cara bersama-sama, berkenaan atau bersangkutan dengannya;

“pasar awam” ertinya sesuatu pasar yang dippunyai, dipajakkan atau disenggara oleh Majlis;

Nama,  
pemakaian  
dan mula  
berkuatkuasa.

"pasar persendirian" ertinya sesuatu pasar selain dari pasar awam dan termasuklah pasar mini dan pasar raya;

"petak" ertinya mana-mana ruangan yang ditetapkan dalam lingkungan sesuatu pasar dan digunakan untuk menjual apa-apa barang yang diluluskan oleh Yang Dipertua;

"tuan punya gerai" bermaksud seseorang yang dilesenkan oleh Yang Dipertua untuk menjual dalam lingkungan pasar awam dan dalam pasar persendirian atau seseorang individu yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar persendirian untuk menjual dalam lingkungan pasar persendirian itu dan dalam kedua-dua keadaan itu termasuklah orang yang bertanggungjawab terhadap gerai-gerai tersebut;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Besut dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Larangan ke atas pasar persendirian tanpa lesen.

3. Tiada seorang pun boleh menubuhkan, mengelolakan atau menjalankan pasar persendirian di mana-mana tempat, tanah pegangan atau bangunan, tanpa mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini.

Kehendak-kehendak bangunan bagi pasar persendirian.

4. (1) Dinding bagi pasar persendirian hendaklah cukup kemas dengan permukaannya yang licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat tanpa apa-apa unjuran atau ceruk atau sudut yang mungkin mengumpulkan habuk.

(2) Lantai hendaklah diperbuat dari bahan yang tahan dan kalis air dengan dikemas dan dicuramkan dengan licin supaya segala bendalir mudah mengalir ke longkang.

(3) Longkang hendaklah dibina dari batu-bata yang disapu dengan simen yang elok dengan bentuk yang separa bulat sebelah bawah atau separuh paip tembikar gilap yang mana garis pusatnya hendaklah tidak kurang daripada 15 sentimeter dan hendaklah cukup biangannya serta cerunnya supaya dapat mengalirkan keluar segala air dan bendalir-bendalir lain.

(4) Lantai di tingkat atas hendaklah sempurna dibina dengan menggunakan simen konkrit atau papan lantai bertanggam lidah dan lurah bertutup atau selainnya dicantum supaya kedap air.

Kehendak-kehendak bagi penjualan daging dan ikan.

5. (1) Dalam mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, disiang, dicincang, disimpan, dipamerkan atau didedahkan untuk jualan, dindingnya hendaklah dibina setinggi 180 sentimeter dari lantai yang permukaannya dari jubin gilap, batu-bata gilap atau lain-lain bahan kalis air sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Semua meja, kaunter, bangku panjang atau petak peraga yang digunakan untuk memamer apa-apa daging atau ikan untuk jualan hendaklah diliputi marmar, jubin gilap, keluli berkilat, aluminium, kaca atau mana-mana bahan lain yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(3) Penyangkut untuk menggantung daging atau ikan yang dipamerkan untuk jualan hendaklah diletakkan sekurang-kurang 1 meter daripada benda atau kaki lima dan hendaklah dari bahan kalis karat dan hendaklah ditukar apabila Yang Dipertua mengarahkan berbuat demikian.

(4) Peti sejuk, penyejuk beku atau pendingin dari sesuatu bentuk yang diluluskan hendaklah dipasang jika dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua.

(5) Menyiang dan menyembelih ayam itik tidak boleh dijalankan di mana-mana pasar, kecuali di tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Dipertua tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan.

(6) Ayam itik hidup yang dibawa ke dalam pasar hendaklah disimpan dalam kurungan plastik atau kurungan logam.

6. Di dalam mana-mana pasar persendirian hendaklah sentiasa ada bekalan air yang bersih dan segar yang didapati dari bekalan air awam atau dari sumber lain sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua.

7. Pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau sesuatu gerai atau petak di sesebuah pasar awam dan persendirian hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut:-

Kehendak-  
kehendak  
kebersihan.

(a) hendaklah menyebabkan segala sampah sarap d...ngut dan diisikan di dalam bekas yang bertudung yang dibekalkan untuk maksud itu dan bekas-bekas itu hendaklah dikosongkan dan dicuci seberapa kerap yang perlu untuk menjadikan premis sentiasa berada dalam keadaan bersih dan baik pada setiap masa;

(b) pada bila-bila masa diarahkan oleh Yang Dipertua dalam hal sesebuah pasar persendirian dan pasar awam hendaklah dikeluarkan dari premis berlesen itu semua barang yang mudah alih dan keseluruhan premis itu dibersihkan, dicatkan atau disapu kapur, dan segala pemberian yang perlu hendaklah dibuat terhadap premis itu;

(c) semua makanan yang bertujuan untuk dijual hendaklah berada dalam keadaan bersih dan dilindungi dengan berkesannya dari lalat, vermin, serangga, habuk, kotoran atau lain-lain bahan, benda atau barang yang merosakkan;

(d) semua perkakas dan pepasangan yang digunakan di premis itu hendaklah berada dalam keadaan bersih dan bebas dari apa-apa endapan merbahaya atau kecemaran;

(e) tiada apa-apa barang dari jenis alatan tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan dalam mana-mana bahagian pasar selain dari suatu kawasan yang disediakan khas untuk tujuan itu;

- (f) menyimpan makanan, sama ada telah dimasak atau mentah, dalam keadaan kemas dan bersih supaya iaanya tidak dihinggapi lalat, vermin, scrangga, kotoran, habuk atau lain-lain bahan, benda atau barang yang merbahaya;
- (g) bungkus segala makanan untuk pelanggan dengan kertas, atau lain-lain bahan yang sesuai, bersih dan tidak tercemar dengan apa jua cara;
- (h) menyimpan segala perkakas dan alat-alat yang digunakan berkaitan dengan perniagaannya bersih dan tidak tercemar dengan apa-apa cara pun;
- (i) menyenggara diri dan pakaianya supaya berada dalam keadaan bersih; dan
- (j) mengecat gerainya seberapa kerap seperti yang diarahkan sedemikian oleh Yang Dipertua.

8. (1) Dalam hal sesuatu pasar persendirian Yang Dipertua boleh menetapkan:

- (a) bilangan maksima gerai, petak atau lot yang boleh didirikan atau diperuntukkan dalam pasar persendirian itu;
- (b) kedudukan dalam kawasan pasar persendirian yang mana gerai atau petak itu boleh didirikan atau ditandakan;
- (c) jenis makanan yang telah dimasak atau tidak dimasak, minuman atau barang-barang yang dijual dalam tiap-tiap seksyen atau bahagian pasar persendirian; dan
- (d) apa-apa kehendak lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua boleh mengeluarkan lesen bagi pasar persendirian atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

9. Tiada seorang pun boleh menjual atau mendedahkan atau menyimpan untuk jualan haiwan atau daging, ikan, ayam itik, buah-buahan, sayur-sayuran atau lain-lain benda makanan yang mudah busuk bertujuan untuk makanan manusia, atau apa-apa pakaian, dagangan atau lain-lain barang di mana-mana pasar kecuali dalam gerai atau petak yang baginya lesen telah diberi oleh Yang Dipertua.

10. Seseorang pemegang lesen:

- (a) sesuatu pasar persendirian hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di bahagian yang mudah dilihat dipremisnya;

Terma dan  
syarat untuk  
mengelurkan  
lesen pasar  
persendirian

Lesen  
gerai

Mempamerkan  
lesen.

- (b) sesuatu gerai di pasar awam hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di suatu tempat yang senang dilihat dipremisnya; dan
- (c) sesuatu petak dalam sesuatu pasar awam hendaklah menyimpan lesen itu pada dirinya atau di suatu tempat yang membolehkannya mengeluarkan lesen itu apabila diminta.

11. Seorang tuan punya gerai di sesuatu kawasan pasar:

- (a) hendaklah pada setiap masa berada dan menjalankan atau mengawasi penjualan di gerai atau petaknya melainkan jika dia tidak dapat berbuat demikian oleh kerana sesuatu sebab yang munasabah;
- (b) boleh dengan kebenaran Yang Dipertua secara bertulis, mengambil kerja seorang pembantu yang diberi kuasa yang nama dan gambarnya hendaklah diletakkan pada lesen dan tuan punya gerai itu adalah bertanggungjawab atas tindakan pembantunya.

Tuan punya  
gerai hendaklah  
hadir.

12. (1) Jika seorang tuan punya gerai di mana-mana pasar awam meninggalkan gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah melantik seorang nomini menggantikannya dengan mendapat kelulusan secara bertulis terlebih dahulu dari Yang Dipertua dan apa-apa kelulusan di bawah undang-undang kecil ini tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

Perlantikan  
seorang  
nomini.

(2) Yang Dipertua tidak boleh memberi apa-apa kebenaran di bawah peruntukan perenggan (1) bagi tempoh melebihi tiga bulan.

(3) Bayaran sebanyak sepuluh ringgit hendaklah dibayar oleh tuan punya gerai bagi perlantikan seorang nomini.

13. Seorang tuan punya gerai tidak boleh menyerah hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil gerainya.

Gerai tidak  
boleh dicerah  
hak, dipajak,  
disewa atau  
disewa kecil.

Peraturan  
tempat  
penjusian.

14. Yang Dipertua di dalam hal perkara suatu pasar awam dan seseorang pemegang lesen pasar persendirian boleh membahagikan bahagian atau pecahan yang berlainan bagi pasar awam atau pasar persendirian, mengikut mana yang berkenaan, untuk jualan berlainan jenis makanan yang sudah dimasak atau makanan mentah, minuman, benda atau barang-barang dan tiada seorangpun boleh mempamer untuk jualan atau menjual apa-apa makanan, minuman, benda atau barang-barang di tempat lain selain dalam bahagian atau pecahan yang telah diasingkan untuk jualan makanan, minuman, benda atau barang-barang itu.

15. Seseorang pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau sesuatu gerai hendaklah mempamerkan dengan cara yang mudah kelihatan dipremisnya tanda-tanda harga untuk setiap barang yang dipamerkan untuk dijual.

Mempamerkan  
tanda harga.

Tidak boleh  
membasir air.

16. Jika bekalan air awam disediakan dalam mana-mana pasar awam, tiada seorang pun boleh mambazir air, dan semua orang hendaklah mematuhi arahan sebagaimana yang diberi oleh Yang Dipertua.

Penjualan  
makanan  
tidak berkhasiat  
dilarang.

17. (1) Tiada seorang pun boleh mempamerkan untuk jualan atau menjual di mana-mana pasar apa-apa benda makanan atau minuman yang tidak berkhasiat untuk makanan manusia.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh mensita, menyiasat dan memeriksa mana-mana binatang, burung, daging dan ikan yang berpenyakit, atau buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain benda makanan dan minuman yang tiak berkhasiat atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia dan boleh memerintahkan benda-benda itu dimusnahkan jika difikirkan patut.

Mengembongkan  
daging.

18. Tiada seorang pun boleh memasukkan air atau cecair lain ke dalam mana-mana daging yang dimaksudkan untuk dijual, atau mengembongnya dengan angin, dan tiada seorang pun boleh menjual atau menawar atau mempamerkan untuk dijual atau menyebabkan terjadi satu tawaran atau pameran mana-mana daging yang dikembongkan dengan angin atau di mana air atau cecair lain telah dimasukkan.

Hanya daging  
yang disembelih  
di rumah  
sembelih yang  
dilesenkan,  
dibenarkan  
dijual.

19. Kecuali rusa atau binatang-binatang liar yang lain, tiada seorang pun boleh menjual atau mempamerkan untuk dijual atau menyebabkan dijual atau ditawarkan untuk dijual mana-mana bahagian dari apa-apa binatang yang telah disembelih di tempat lain selain daripada rumah sembelih awam atau rumah sembelih yang dilesenkan.

Sekitar gerai  
hendaklah  
dijaga  
kebersihannya.

20. Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah menjaga gerainya dan mana-mana lebuh, lorong atau ruang di hadapan, di belakang atau di tepi gerai atau petaknya dan di sekitarnya supaya berada dalam keadaan bersih hingga memuaskan Yang Dipertua.

Cucihan harian  
gerai daging  
dan ikan.

21. Setiap peniaga ikan dan daging di pasar awam hendaklah membasuh dan mencuci dengan bersungguh-sungguh gerai dan semua alat dan perkakas kepunyaannya sekurang-kurangnya sekali sehari dan hendaklah menjaga semuanya ini di dalam keadaan bersih dan bebas dari kekotoran dan kuman.

Membuang  
sampah.

22. (1) Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah mengadakan dan menyenggara secara teratur di gerainya bilangan tong sampah yang mencukupi yang bertutup dan baik dari corak dan bahan yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada tuan punya gerai atau lain-lain orang boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletak apa-apa sampah sarap, sampah, kotoran atau lain-lain bahan atau benda yang dibuang olehnya semasa menjalankan perniagaannya di mana-mana tempat selain dari dalam tong sampah yang tersebut.

(3) Segala sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang ringan sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua sebelum diletakkan ke dalam tong sampah.

(4) Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah memastikan segala sampah yang dikumpul dalam urusan perniagaannya diletakkan dari masa ke masa di tempat yang disediakan untuk tujuan itu.

(5) Tiada tuan punya gerai boleh menyebabkan atau membenarkan dimasukkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air garam, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk ke dalam mana-mana longkang atau ke atas mana-mana lantai pasar kecuali di tempat-tempat yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua.

23. Tiada tuan punya gerai dalam sesuatu pasar awam boleh:

Malangan.

- (a) meletak, mendirikan atau menempatkan gerai atau petaknya melebihi had-had yang diintukkan baginya, dan tiada pelindung panas atau penutup boleh melebihi 30 sentimeter dari gerai atau petak itu melainkan diluluskan oleh Yang Dipertua secara bertulis;
- (b) menyebabkan atau membenarkan apa-apa barang, barang dagangan atau laih-lain barang, alat atau yang berkaitan dengan perniagaannya diletak, dipamer atau didedah untuk jualan di atas mana-mana tangga, lorong, jalan lalu atau jalan tembus pasar atau sebelah atas, di atas atau merintang mana-mana parit atau bahagiannya di pasar;
- (c) menyebabkan atau membenarkan barang dagangan, barang atau lain-lain barang, alat atau benda yang berkaitan dengan perniagaannya melebihi had-had gerai atau petak yang diintukkan kepadanya;
- (d) menyebabkan sesuatu halangan dalam mana-mana pasar atau mana-mana lebuh, jalan lalu atau hala ke mana-mana pasar dengan apa-apa kenderaan, barang, kotak, bakul, kereta sorong atau lain-lain benda;
- (e) mendirikan apa-apa kotak, tetingkat, para, atau lain-lain rangka bina di gerai atau petaknya yang tingginya melebihi 2.4 meter daripada paras lantai, atau tambunan atau susunan barang-barang, kotak, bakul, bungkus atau lain-lain benda di atas gerai atau petak yang melebihi paras tinggi yang tersebut itu.

24. Tiada seorang pun boleh mendirikan apa-apa peredup, pelindung atau sekatan atau membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada sesuatu gerai tanpa persetujuan bertulis dari Yang Dipertua.

Peredup dan perubahan.

Menggunakan kereta beroda besi dilarang.

25. Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu kereta tolak atau troli beroda besi bagi maksud mengangkut barang dalam lingkungan sesuatu pasar awam.

Membawa masuk kendaraan

26. Tiada seorang pun boleh memandu sesuatu kenderaan bermotor atau membawa mana-mana basikal roda tiga, atau basikal masuk ke dalam mana-mana pasar bagi maksud mengangkut barang untuk jualan melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua.

Api.

27. Api tidak boleh dinyalakan dan memasak atau merebus tidak boleh dilakukan di dalam mana-mana pasar, kecuali di tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya.

Menggunakan gerai secara salah.

28. Tiada seorang pun boleh duduk, berdiri, baring atau tidur di atas mana-mana gerai dalam mana-mana pasar.

Kacauganggu.

29. Tiada seorang pun boleh dalam sesuatu pasar:

- (a) melakukan kacauganggu;
- (b) meludah di atas lantai, gerai atau lain-lain bahagian pasar;
- (c) membuang apa-apa sayur-sayuran, najis binatang, sisa-sisa, sampah sarap atau lain-lain bahan atau benda busuk ke atas sesuatu gerai jalanraya, jalan lalu, tangga atau mana-mana bahagian pasar, kecuali ke dalam tong sampah atau bekas sampah; atau
- (d) membela anjing atau lain-lain binatang, atau membawa anjing atau lain-lain binatang sama ada berikat atau tidak ke dalam pasar, atau dengan sengaja membiarkan atau membenarkan anjing atau lain-lain binatang mengekormya ke dalam pasar.

Perminta sedekah dan mendedahkan apa-apa kecacatan dilarang.

30. Tiada seorang pun boleh mengemis atau meminta sedekah atau mendedahkan atau mempamerkan apa-apa kudis, luka, penyakit atau kecacatan pada tubuh badan di pasar dan mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa hendaklah menghalau orang-orang itu daripada pasar tersebut, dan orang-orang yang demikian itu tidak boleh terlibat atau membantu dalam apa-apa perniagaan di dalamnya.

Orang-orang yang berpenyakit.

31. Tiada seorang pun yang diketahui mengidap penyakit merebak atau berjangkit atau membawa jangkitan apa-apa penyakit boleh bekerja dalam penyediaan atau penjualan makanan dalam mana-mana pasar; dan seorang yang bekerja sedemikian itu hendaklah jika dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa oleh Yang Dipertua, menjalani pemeriksaan perubatan.

32. Tiada seorang pun boleh mengubah atau mengganggu mana-mana pasangan elektrik atau air dalam sesuatu pasar awam.

Mengganggu  
pasangan  
elektrik  
atau air.

33. Tiada seorang pun boleh menghalang mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua daripada memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian mana-mana pasar pada bila-bila masa.

Kuasa untuk  
memeriksa.

34. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengusir atau menyebabkan diusir daripada mana-mana pasar awam mana-mana orang atau orang gajiannya yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan atau kerana mengingkari mana-mana undang-undang kecil berkaitan dengan pasar dan boleh menghalang orang-orang itu atau orang gajiannya daripada menjalankan lagi apa-apa tred atau perniagaan dalam pasar itu atau menduduki mana-mana gerai, kedai atau lain-lain tempat di dalamnya, dan boleh menamatkan apa-apa pajakan atau tempoh pemegangan orang itu mengenai sesuatu gerai, kedai atau lain-lain tempat.

Kuasa untuk  
mengusir orang  
yang melanggar  
peraturan dan  
menahan  
pajakan.

35. Tiada apa jua perkakas atau sambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh seseorang tuan punya gerai dalam sesuatu pasar awam tanpa kebenaran Yang Dipertua secara bertulis terlebih dahulu dan tuan punya gerai hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan mengenai penyambungan, pendawaian atau pemasangan itu dan hendaklah membayar segala cestrik sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

Pemasangan  
perkakas atau  
sambungan  
elektrik.

36. (1) Bayaran yang kena dibayar bagi suatu lesen gerai adalah seperti di dalam Jadual Pertama.

Bayaran lesen.

(2) Bayaran yang kena dibayar bagi suatu lesen pasar persendirian adalah seperti di dalam Jadual Kedua.

(3) Bayaran yang kena dibayar oleh penjual-penjual di pasar awam adalah seperti di dalam Jadual Ketiga.

37. Dalam hal keadaan di mana Yang Dipertua membenarkan sebarang pemindahan mana-mana gerai atau petak dalam pasar awam, atau jika lesen digantikan oleh kerana kehilangan atau kerosakan kepada lesen asal, bayaran yang kena dibayar hendaklah sebanyak sepuluh ringgit.

Pemindahan  
gerai dan  
petak dan  
penggantian  
lesen.

38. Seseorang yang melanggar mana-mana undang-undang kecil ini atau mana-mana syarat di dalam sesuatu lesen atau mana-mana notis atau perintah Yang Dipertua adalah melakukan suatu keslahan dan apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih dari dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-dua sekali dan, di dalam hal kesalahan yang berlanjutan, denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan dilakukan selepas sabitan.

Penalti.

JADUAI PERTAMA  
 (Undang-undang Kecii 36 (1))

BAYARAN LESEN DI PASAR AWAM  
 (SETAHUN)

PASAR

JENIS GERAI

1. Pasar Besar Jertih	\$35	\$25	\$21	\$25	\$20	\$19	\$20	\$20	\$19	\$22	\$15	\$20	\$20	\$18	\$18	\$25	\$25	\$20	
2. Pasar Kuala Besut	\$30	\$23	\$19	\$24	\$19	\$19	\$18	\$19	\$19	\$19	\$19	\$18	\$14	\$18	\$18	\$16	\$16	\$23	\$18
3. Pasar Kampung Raja	\$30	\$23	\$19	\$24	\$19	\$19	\$18	\$19	\$19	\$19	\$19	\$18	\$14	\$18	\$18	\$16	\$16	\$23	\$18
4. Pasar Alor Lintah	\$30	\$20	\$18	\$20	\$18	\$17	\$16	\$17	\$17	\$17	\$17	\$16	\$12	\$16	\$16	\$14	\$14	\$20	\$16
5. Pasar Alor Lintang	\$30	\$20	\$18	\$20	\$18	\$17	\$16	\$17	\$17	\$17	\$17	\$16	\$12	\$16	\$16	\$14	\$14	\$20	\$16
6. Pasar Jabi	\$30	\$20	\$18	\$20	\$18	\$17	\$16	\$17	\$17	\$17	\$17	\$16	\$12	\$16	\$16	\$14	\$14	\$20	\$16
7. Pasar Apal	\$30	\$20	\$18	\$20	\$18	\$17	\$16	\$17	\$17	\$17	\$17	\$16	\$12	\$16	\$16	\$14	\$14	\$20	\$16
8. Pasar Pasir Akar	\$30	\$20	\$18	\$20	\$18	\$17	\$16	\$17	\$17	\$17	\$17	\$16	\$12	\$16	\$16	\$14	\$14	\$20	\$16
9. Pasar Pengkalan Nyireh	\$30	\$20	\$18	\$20	\$18	\$17	\$16	\$17	\$17	\$17	\$17	\$16	\$12	\$16	\$16	\$14	\$14	\$20	\$16
Tidak lebih daripada \$40.00																			Lain-lain

**JADUAL KEDUA**  
 (Undang-undang Kecil 36 (2))  
**BAYARAN LESEN BAGI PASAR PERSENDIRIAN**

*Bayaran Lesen  
Setahun*

**(a) PASAR PERSENDIRIAN:**

(i) Luas lantai tidak lebih 70 meter persegi ... ...	\$ 40.00
(ii) Luas lantai melebihi 70 meter persegi tetapi tidak melebihi 120 meter persegi ... ...	\$ 70.00
(iii) Luas lantai melebihi 120 meter persegi tetapi tidak melebihi 200 meter persegi ... ...	\$ 150.00
(iv) Setiap tambahan 10 meter persegi atau sebahagian daripadanya ... ...	\$ 20.00

**(b) PASARAYA DAN PASAR MINI:**

(i) Luas lantai tidak lebih 200 meter persegi ...	\$ 250.00
(ii) Luas lantai melebihi 200 meter persegi tetapi tidak melebihi 300 meter persegi ... ...	\$ 400.00
(iii) Luas lantai melebihi 300 meter persegi tetapi tidak melebihi 420 meter persegi ... ...	\$ 600.00
(iv) Luas lantai melebihi 420 meter persegi tetapi tidak melebihi 600 meter persegi ... ...	\$ 900.00
(v) Setiap tambahan 10 meter persegi atau sebahagian daripadanya ... ...	\$ 60.00

**JADUAL KETIGA**

(Undang-undang Kecil 36 (3))

**KADAR BAYARAN YANG KENA DI BAYAR OLEH PENJUAL-PENJUAL DI PASAR AWAM**

1 JENIS JUALAN DAN TEMPAT	<i>Bayaran Sehari</i>
<b>BUAH-BUAHAN/SAYUR-SAYURAN:</b>	
(i) Durian tiap-tiap 50 biji atau sebahagian darinya ... ...	\$ 1.00
(ii) Kelapa dan labu tiap-tiap 100 biji atau sebahagian darinya ... ...	\$ 1.00
(iii) Nenas, nangka, cempedak dan tembikai tiap-tiap 50 biji atau sebahagian darinya ... ...	\$ 1.00
(iv) Buah-buah kecil seperti rambutan, limau, anggur, manggis, mempelam dan ciku, tiap-tiap satu bakul atau satu peti atau satu guni atau sebahagian darinya ... ...	\$ 0.50

*Bayaran Sehari*

(xii) Tambahan kepada 2 (xi) bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian darinya ... ... ... \$ 0.30

3. LAIN-LAIN:

- (i) Penjualan beras bagi tiap-tiap seguni atau sebahagian darinya ... ... ... ... \$ 0.20
- (ii) Penjualan arang bagi tiap-tiap 10 kampit atau sebahagian darinya ... ... ... ... \$ 0.20
- (iii) Penjualan ayam/itik hidup dalam sarang bagi tiap-tiap seekor ... ... ... ... \$ 0.10
- (iv) Memunggah barang-barang jualan:
- (a) Bagi sebuah lori besar ... ... ... ... \$ 5.00 sekali
- (b) Bagi sebuah lori kecil ... ... ... ... \$ 3.00 sekali
- (c) Bagi sebuah van ... ... ... ... \$ 2.00 sekali

4. Segala bayaran kerana penggunaan bekalan letrik dari ... adalah tanggungan peniaga.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Besut di dalam mesyuaratnya pada 27 Februari, 1991.

[MDB. 027/SJ. 11.]

ABDULLAH BIN MUHAMMAD,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Besut*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuaratnya pada 22 Disember, 1991.

[SUK. TR. 1200/350/3; PUN. TR. (S) 85/3.]

OSMAN BIN MUDA,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,*  
*Terengganu*

*Bayaran Sehari*

(v) Pisang tiap-tiap 10 tandan atau sebahagian darinya ... ... ... ... ...	\$ 0.50
(vi) Sayur-sayuran bagi keluasan tiak lebih 6 meter persegi ... ... ... ... ...	\$ 0.50
(vii) Tambahan kepada 1(vi) bagi tiap-tiap 1 meter persegi ... ... ... ... ...	\$ 0.20

2. MELELONG/JUAL LAMBAK:

(i) Barang-barang plastik dan peralatan dapur bagi keluasan tidak lebih daripada 10 meter persegi ...	\$ 3.00
(ii) Tambahan kepada 2 (i) bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian darinya ... ... ...	\$ 0.50
(iii) Barang-barang khas seperti pakaian, kain bagi keluasan tidak lebih daripada 10 meter persegi ...	\$ - 3.00
(iv) Tambahan kepada 2 (iii) bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian darinya ... ... ...	\$ 0.50

JENIS JUALAN DAN TEMPAT:

(v) Barang-barang runcit bagi keluasan tidak lebih 8 meter persegi ... ... ... ... ...	\$ 2.00
(vi) Tambahan kepada 2 (v) bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian darinya ... ... ...	\$ 0.50
(vii) Menjual ubat menggunakan pembesar suara ...	\$ 3.00
(viii) Menjual ubat tanpa menggunakan pembesar suara ... ... ... ... ...	\$ 2.00
(ix) Menjual barang-barang dengan menggunakan pembesar suara bagi keluasan tidak lebih 10 meter persegi ... ... ... ... ...	\$ 3.00
(x) Tambahan kepada 2 (ix) bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian darinya ... ... ...	\$ 0.50
(xi) Menjual barang-barang lain tanpa menggunakan pembesar suara bagi keluasan tidak lebih 6 meter persegi ... ... ... ... ...	\$ 1.00